

Bagaimana Khilafah Diruntuhkan (Siri 1)

FAKTOR KELEMAHAN UMAT ISLAM

Keruntuhan Khilafah Turki Uthmaniyyah secara rasmi pada 3 Mac 1924 merupakan satu peristiwa hitam dalam sejarah umat Islam. Runtuhnya sistem pemerintahan ini bererti runtuhnya ibu segala hukum syarak dan memusnahkan sebahagian besar syariat Allah SWT di bumi sehingga yang tersisa kini hanyalah melibatkan hukum berkaitan akhlak, ibadah, dan sebahagian kecil aspek muamalah seperti *Al-Ahwal Asy-Syakhsiyah* (Hukum tentang kekeluargaan). Lenyapnya Negara Khilafah menyebabkan sebahagian besar syariat berkaitan sistem ekonomi, *uqubat* (hukuman), pendidikan dan pemerintahan tidak dapat dilaksanakan sedangkan negara yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW ini dan diteruskan oleh para Khalifah selepas itu bukan sahaja telah membawa kesejahteraan hidup kepada seluruh manusia malah, memberikan sumbangan yang signifikan terhadap perkembangan ketamadunan manusia dalam setiap aspek.


Kegemilangan Negara Khilafah yang menjadi kuasa besar dunia selama 13 abad adalah hasil daripada menjadikan Islam sebagai *qiyadah fikriyah* (kepimpinan berfikir) sehingga berjaya mempersatukan seluruh umat Islam sebagai satu kesatuan yang utuh dengan kekuatan akidah yang sama. Negara Khilafah telah menjadi pelindung umat Islam daripada penjajahan negara-negara imperialis malah, melindungi tanah suci Palestin daripada jatuh ke tangan Zionis Yahudi. Penganut agama lain yang bernaung di bawah Negara Khilafah turut menikmati kesejahteraan hidup dan bebas mengamalkan ajaran agama mereka dengan aman dengan syarat tertentu.

Runtuhnya Negara Khilafah telah membuka ruang dan peluang kepada negara imperialis Barat merampas kekayaan sumber alam, memecah belahan umat Islam dan menumpahkan darah manusia tanpa belas kasihan dan sifat kemanusiaan. Inilah keadaan umat Islam saat ini setelah runtuhnya Khilafah. Persoalan penting yang menjadi tanda tanya kepada umat Islam hari ini ialah, bagaimana sebuah Negara Khilafah yang telah mengalahkan Empayar Rom dan Parsi serta dalam masa yang sama dapat meluaskan pengaruhnya ke seluruh pelusuk dunia telah diruntuhkan? Sesungguhnya terdapat pelbagai faktor telah menyumbang kepada runtuhnya Negara Khilafah.

Faktor-Faktor Kelemahan Dalaman Negara Khilafah

Menurut Syeikh Taqiyuddin An-Nabhani (1953) dalam kitabnya *Ad-Daulah Al-Islamiyah*, beliau menjelaskan bahawa kelemahan ini dapat dilihat dalam dua aspek: pertama, kelemahan umat terhadap kefahaman Islam (*al fahm*); dan kedua, kelemahan dalam penerapan hukum-hakam Islam (*at tathbiq*).

Pertama, kelemahan umat terhadap ajaran Islam yang berkaitan dalil-dalil Islam bahasa Arab, dan kekeliruan memahami hukum syarak dalam kehidupan. (i) Telah terjadi usaha daripada kaum *Zindiq* dengan mencipta dan menyebarkan hadis-hadis palsu untuk memesongkan pemahaman ajaran Islam. Namun, usaha mereka berjaya dilumpuhkan dengan kebangkitan para ulama hadis dengan usaha pemurnian hadis. (ii) Kelemahan menguasai bahasa Arab mula terjadi semasa pemerintahan Dinasti Mamluk (Khilafah Abbasiyah) sedangkan, bahasa Arab merupakan ilmu asas yang sangat penting bagi melakukan ijтиhad terhadap pelbagai persoalan baharu yang timbul, tanpanya, *istinbat* hukum tidak mungkin mampu dapat dilakukan. Kesannya, negara mengalami kekacauan dalam memahami realiti dari perspektif Islam sehingga terjadi kesalahan dalam penerapannya dan memberi pengaruh yang cukup besar terhadap Khilafah sehingga menjadi lemah, tenat dan akhirnya berjaya diruntuhkan. (iii) Kekeliruan dalam memahami ajaran Islam mula muncul pada abad pertama hijrah kerana wujud usaha kompromi ilmu falsafah India dengan ajaran Islam. Sebagai contoh, konsep



Serangan Misionaris

Serangan misionaris telah berlaku seawal abad ke-16 di mana mereka memulakan gerakan penyesatan dengan mengatasnamakan ilmu pengetahuan dan kemanusiaan. Di akhir abad ke-16, mereka mendirikan markas misionaris di Malta sebagai pangkalan khusus untuk serangan terhadap dunia Islam [*Ad-Daulah Al-Islamiyah*, Syeikh Taqiyuddin an-Nabhanī].

1625 MASIHI	Mendirikan sekolah-sekolah dan menyebarkan buku-buku keagamaan kepada penduduk di wilayah Syam.
1773 MASIHI	Institusi Pergerakan misionaris Kristian Jesuit ditutup kecuali institusi yang lemah seperti Misionaris 'Azariyyin.
1820 MASIHI	Mendirikan pusat gerakan misionaris yang pertama di Beirut dan tetap konsisten disebalik pelbagai kesultanan.
1827 MASIHI	Tokoh misionaris Amerika, Eli Smith datang ke Beirut sebentar dan pulang semula ke Malta kerana faktor keselamatan dirinya
1834 MASIHI	Delegasi misionaris tersebar luas ke seluruh Syam. Eli Smith bersama isterinya kembali ke Beirut dan berjaya membina sekolah perempuan.
1842 MASIHI	Sebuah jawatankuasa yang bertugas mendirikan persatuan pengkajian ilmiah dibentuk.
1847 MASIHI	Menubuhkan Persatuan Kajian Sastera dan Sains, dianggotai Nashif al-Yazji dan Butrus al-Bustani bersama Eli Smith, Cornelius van Dyke serta Kolonel Churchill dari Britain.
1850 MASIHI	Persatuan Kajian Ketimuran ditubuhkan Henri Debrenier (berbangsa Perancis) setelah persatuan yang pertama gagal.
1857 MASIHI	Persatuan Saintifik Syria pula ditubuhkan setelah kegagalan demi kegagalan. Anggotanya hanya berbangsa Arab.
1875 MASIHI	Lima pemuda berpendidikan Kolej Protestan di Beirut menubuhkan Persatuan Rahsia untuk menyebarkan idea assabiyyah (nasionalisme) Arab.

Gerakan mereka akhirnya berjaya memecahbelahkan negara Khilafah sehingga diruntuhkan pada 3 Mac 1924. Misi mereka berterusan sehingga hari ini dengan meniupkan keraguan ke atas umat Islam terhadap agama Islam.



Nasyrah Mingguan Hizbut Tahrir Malaysia

Emel: info@hizbut-tahrir.org.my

FB: Hizbut Tahrir Malaysia

asketisme (menolak kenikmatan dunia) ditafsirkan sebagai zuhud menyebabkan ramai umat Islam yang lari menghadapi kenyataan hidup, sedangkan tenaga dan fikiran mereka seharusnya digunakan untuk kemajuan negara dan penyebaran dakwah Islam.

Kelemahan kefahaman dalam tiga aspek ini semakin bertambah parah apabila Barat mula menyebarkan budaya dan doktrinnya yang bertentangan dengan Islam dan mendakwa peradaban mereka sesuai dengan Islam sehingga akhirnya kefahaman umat terhadap Islam menjadi semakin lemah. Umat Islam akhirnya mengadaptasi sebahagian doktrin Barat ketika pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah dengan mula mentakwil hukum riba dan membuka bank, memberhentikan pelaksanaan hukum Hudud dan digantikan dengan undang-undang Barat. Doktrin ini terus meracuni pemikiran umat Islam hingga hari ini.

Kedua, telah berlaku penerapan yang buruk (*isa'atut tathbiq*) terhadap hukum Islam dalam kehidupan seperti kewujudan parti politik yang menggunakan kekuatan ketenteraan (*thariqul quwwah*) untuk meraih kekuasaan dan bukannya menggunakan dukungan umat (*thariqul ummah*) seperti era Khilafah Abbasiyah yang menguasai wilayah Iran dan Iraq. Contoh lain, golongan Fatimiyyin menguasai Mesir dan menjadikannya sebagai pusat kekuatannya. Selain itu, berlaku situasi, *Wali* (Gabenor) wilayah Islam yang berkuasa secara bebas seperti Abdurrahman Ad-Dakhil yang berkuasa di Andalusia namun, Khalifah Abbasiyah ketika itu membiarkannya. Meskipun Andalusia ketika itu masih menjadi sebahagian wilayah Khilafah, namun terpisah daripada aspek pentadbirannya.

Semua faktor ini telah melemahkan Negara Khilafah sehingga mendorong golongan Uthmaniyyah mengambil alih pemerintahan Khilafah (abad ke-9 H/ke-15 M). Mereka telah berjaya mempersatukan negeri-negeri Islam di bawah kekuasaannya (abad ke-10 H/ke-16 M) sebelum menyebarkan Islam ke negara Eropah. Namun, usaha itu tidak didasari kefahaman Islam yang sahih dan perlaksanaan yang benar, melainkan hanya bersumberkan kekuatan iman para Khalifah. Khilafah dibelenggu kejumudan kerana ketiadaan ijtihad-ijtihad baharu yang menyebabkan peradaban Islam berkembang. Masalah ini berpunca akibat kemunduran taraf pemikiran dan tiada kebangkitan dijantung Negara Khilafah, sehingga mereka terpaku menyaksikan revolusi pemikiran dan industri di Eropah. Sebahagian besar ilmuwan Islam pada masa itu bingung sama ada ingin menerima atau menolak kebangkitan di Eropah kerana tidak mampu membezakan di antara aspek *madaniyyah* (kemajuan sains dan teknologi) dan *hadharah* (pemikiran yang terkait akidah).

Akhirnya, Negara Khilafah menjadi semakin lemah sehingga tidak mampu menjaga dirinya sendiri. Kelemahan ini menimbulkan keberanian musuh-musuh Islam untuk merobek-robek Khilafah sehingga terpecah menjadi negara-negara kecil. Khilafah ketika itu tidak mampu berbuat apa-apa untuk melindunginya sehingga menimbulkan keberanian gerakan misionaris melancarkan serangan dengan alasan ilmu pengetahuan. Negara yang sudah lemah ini akhirnya berjaya diruntuhkan secara rasmi pada 3 Mac 1924.